

11 MAY 2002

KLCI-MINGGUAN/I

NIAGA HADAPAN KLCI AMBIL ISYARAT DRPD PASARAN TUNAI, WALL STREET MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Kontrak hadapan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) di Bursa Derivatif Malaysia (MDEX) mungkin menjejaki prestasi pasaran tunai dan Wall Street untuk mendapatkan arah minggu depan.

Seorang penganalisis berkata, pasaran tunai berpotensi meningkat minggu depan manakala lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Amerika Syarikat memberi rangsangan kepada sentimen.

Lawatan tersebut memberi harapan bahawa pelaburan AS ke Malaysia akan meningkat.

Dr Mahathir akan melawat AS dari 13 hingga 15 Mei ini.

Seorang penganalisis lain berkata, ketidak pastian mengenai prestasi Wall Street mungkin menghalang pasaran daripada meningkat.

"Pelabur-pelabur perlu diyakinkan tentang prestasi Wall Street. Jika tidak, mereka tidak akan memasuki pasaran," katanya.

Secara perbandingan Jumaat ke Jumaat, kontrak bulan semerta Mei turun 7.1 mata dan ditutup pada 798.9 manakala kontrak bulan Jun susut 7.2 mata dan ditutup pada 804.4.

Jumlah dagangan meningkat kepada 3,619 lot daripada 5,207 lot pada minggu sebelumnya.

Indeks Komposit tunai ditutup pada 788.54, turun 6.12 mata daripada 794.66 minggu lalu. -- BERNAMA

LES MR KY NHD